

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 9 JULAI 2023  
AKHBAR : ASTRO AWANI  
PAUTAN : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kxp-perlu-bukti-kemampanan-kewangan-jangka-masa-pajang-rafizi-427349>

### **KXP: Perlu bukti kemampanan kewangan jangka masa panjang – Rafizi**



Rafizi menyampaikan ucapan pada Sesi Libat Urus dan Roadshow bagi Penyediaan Kajian Separuh Penggal RMK12 2021 hingga 2025 hari ini. Turut hadir, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor. -- fotoBERNAMA

ALOR SETAR: Perancangan kerajaan negeri Kedah untuk melaksanakan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) perlu dibuktikan bahawa projek itu memiliki kemampanan kewangan dalam jangka masa panjang.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata kemampanan kewangan daripada pelaburan swasta dalam melaksanakan projek KXP itu satu keperluan yang mesti diambil kira bagi memastikan pembangunannya tidak terbengkalai sekali gus tidak memerlukan tanggungan kerajaan.

"Kita perlu pastikan setiap benda yang kita buat itu mempunyai kemampuan kewangan (supaya) tidak jadi beban pada masa depan. Jadi, tumpuan saya ialah memastikan projek ini dapat berfungsi secara swasta dengan baik tanpa memerlukan tanggungan kerajaan, baik kerajaan negeri maupun Pusat di masa akan datang.

"Mana-mana projek yang ada kemampuan kewangan dan membawa hasil kepada rakyat pasti tidak akan ada masalah bagi mana-mana kerajaan, yang kita bimbang jika projek itu nampak okay di mata kasar tetapi bila kita lihat secara terperinci, kita ada kebimbangan dari segi kemampuan kewangan," katanya kepada pemberita hari ini.

Terdahulu, beliau menghadiri Sesi Libat Urus dan Roadshow bagi Penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) 2021 hingga 2025 di sini, yang turut dihadiri Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Muhammad Sanusi sebelum ini dilaporkan sebagai berkata Kedah berharap kerajaan Persekutuan memberikan pertimbangan untuk membenarkan pelaksanaan projek KXP.

Dalam pada itu, mengenai pembangunan industri sawah padi di Kedah, Rafizi usaha mengupayakan petani beralih kepada penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun menjadi antara keutamaan kerajaan Persekutuan.

"Peruntukan diperlukan bagi memastikan industri sawah padi di Kedah boleh beralih kepada lima musim tanaman (dalam tempoh) dua tahun. Petani tidak boleh buat sendiri, ia perlukan pengairan, infrastruktur, itu perlukan peruntukan (kerajaan)," katanya.

-- BERNAMA